

Pertubuhan Cina: Kurangnya muka Cina dalam Kabinet bukanlah satu isu
Malaysian Insider
May 12, 2013
Oleh Emily Ding, Boo Su-lyn dan Ida Lim

KUALA LUMPUR, 12 Mei — Beberapa pertubuhan masyarakat Cina mengatakan mereka tidak bimbang dengan kemungkinan Kabinet Barisan Nasional (BN) tidak mempunyai wakil Cina kerana dalam lanskap baru politik Malaysia, semua menteri tidak mengira kaum perlu mewakili seluruh rakyat Malaysia.

Walaupun BN menang dalam pilihan raya Ahad lalu, parti komponennya MCA mendapat prestasi paling buruk dalam sejarah, menyebabkan presiden Datuk Seri Dr Chua Soi Lek menunaikan janjinya, MCA tidak akan mengambil apa-apa jawatan kerajaan sekiranya gagal mendapat lebih kerusi Parlimen berbanding 2008.

"Saya biarkan kepada kebijaksanaan BN untuk menyelesaikan masalah ini tetapi saya langsung tidak bimbang jika tiada Cina dalam kerajaan," kata Presiden Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCAH) Tan Yew Sing kepada The Malaysian Insider.

Merayu kepada rakyat Malaysia untuk tidak melihat isu perwakilan dengan cetek, beliau menambah: "Saya sudah melihat banyak kali apabila kita mempunyai masalah, kita tidak hanya pergi ke kaum kita. Semua kaum boleh mewakili rakyat Malaysia dan negara ini harus bergerak ke arah itu."

Gerakan, parti majoriti Cina lain dalam BN juga mengatakan tidak akan mengambil jawatan Kabinet, tetapi akan mempertimbangkan jawatan negeri. Mereka hanya menang satu kerusi Parlimen dan presiden parti Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mengatakan semalam dia akan letak jawatan pada 16 Mei.

Pengerusi Petaling Jaya Federation of Chinese Associations and Communities, Woo Ser Chai bersetuju dan menyatakan ahli MCA telah menyertai Kabinet sejak beberapa tahun lamanya tetapi parti tersebut masih tidak memenuhi jangkaan masyarakat Cina.

"Bagi menteri MCA, tiga gugur dengan majoriti besar. Liow Tiong Lai menang dengan majoriti tipis. Kamu boleh lihat rakyat tidak begitu mahu MCA untuk berada dalam Kabinet," katanya merujuk kepada bekas menteri kesihatan.

Seperti Tan, beliau juga mengatakan "konsep baru" timbul dalam negara dan akan diteruskan.

"Tidak bermakna menteri Melayu hanya memperjuangkan kepentingan Melayu, menteri Cina hanya memperjuangkan Cina dan menteri India hanya memperjuangkan India. Sekarang, jika anda seorang menteri, anda mewakili semua kaum," kata Woo.

Tan mengatakan beliau yakin dengan kepentingan Cina tidak akan dikorbankan oleh kerana walaupun MCA kalah besar pada pilihan raya 2008, kedudukan masyarakat Cina telah berubah menjadi lebih baik kerana pelbagai transformasi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Terdapat lebih banyak peruntukkan untuk SMJK dan sekolah bebas, sokongan kepada acara kebudayaan pelbagai klan Cina, peningkatan penjawat awam bukan bumiputera dan peruntukkan lebih banyak tempat di institusi vokasional," katanya.

Pengerusi Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) Ong Chiow Chuen juga mengatakan tidak ada masalah jika MCA tidak boleh mewakili Cina dalam kabinet kerana Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak boleh melantik senator Cina untuk mengisi jawatan kerajaan.

Hanya Ahli Parlimen dari dua dewan di Parlimen layak untuk dilantik sebagai menteri Kabinet.

Disebalik kegagalan teruk MCA dalam dua pilihan raya umum. Tan yakin parti itu boleh bangkit semula jika mereka "membersihkan" parti dari mereka yang tidak efektif dan unsur-unsur memudaratkan.

"Saya fikir MCA perlu menerima kekalahan mereka dengan niat baik dan mengeluarkan orang-orang yang tidak benar-benar bekerja untuk parti dan negara," katanya.

"Ini tidak kedengaran begitu baik, tetapi ada orang yang seperti pembuli di kawasan tempatan, orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan diiktiraf, dan orang-orang yang tidak bersedia untuk bercakap mengenai perkara dasar atau mengutarakan fikiran mereka kepada pelampau."

Dalam pilihan raya umum 5 Mei, MCA hanya menang tujuh kerusi Parlimen dan 11 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 37 kerusi Parlimen dan 90 kerusi DUN yang ditandingi, kurang lebih dari separuh berbanding kerusi Parlimen yang mereka perolehi pada 2008.

Ketiga-tiga pemimpin pertubuhan Cina ini menafikan pendirian BN "tsunami Cina" yang menyebabkan keputusan pilihan raya kali ini.

"Tidak ada perkara seperti ini. Bagi kami, ia adalah perpecahan bandar-luar bandar. Bagi kami ia adalah perpecahan digital," kata Tan.

"Kamu tidak boleh mengatakan 'tsunami Cina' kerana ia adalah tidak tepat. Bahayanya adalah kamu akan datang dengan strategi untuk menyelesaikan ini tetapi strategi salah," tambah beliau.

"Ini tidak bertepatan dengan konsep 1 Malaysia," kata Ong dan menambah tiada kumpulan etnik yang harus dipersalahkan kerana setiap rakyat mempunyai hak demokratik untuk memilih dan Cina tidak perlu memilih MCA.

Mereka juga menyelar komen bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengatakan Cina "tidak bersyukur", mengatakan komuniti tersebut tidak wajib untuk mengundi mana-mana parti.

"Inti kepada demokrasi adalah setiap orang boleh mengundi sesiapa sahaja yang mereka mahukan. Kamu tidak boleh katakan tidak dapat undi kerana orang tidak bersyukur. Ini tidak masuk akal. Ahli-ahli politik berkhidmat kepada rakyat. Mereka bekerja untuk berkhidmat kepada rakyat," kata Tan.

Woo juga berkata bahawa kerajaan BN mesti mengambil kemenangan sebagai nafas baru dalam hidup dan melihat mengapa Cina begitu ramai mengundi untuk pembangkang dalam pilihan raya ini.

"Hanya kerana Cina tidak mengundi mereka tidak bermakna Cina tidak suka Melayu," katanya.

Berbeza dengan apa yang BN katakan, penganalisis berkata prestasi buruk gabungan itu dalam Pilihan Raya 2013 bukan sahaja disebabkan peralihan undi Cina kepada Pakatan Rakyat (PR), tetapi juga disebabkan golongan kelas menengah dan bandar meninggalkan BN.

BN mencapai prestasi paling buruk dalam sejarah dan hilang lebih banyak kerusi Parlimen dan DUN berbanding 2008, meninggalkan mereka hanya 133 kerusi Parlimen dan 275 kerusi DUN daripada masing-masing 222 dan 505.

Gabungan pemerintah itu juga kehilangan undi popular kepada pembangkang, menang hanya 48.6 peratus berbanding PR yang mendapat 51.4 peratus.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pertubuhan-cina-kurangnya-muka-cina-dalam-kabinet-bukanlah-satu-isu/>